

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 March 2016

## Dr. Mahathir didesak gugur semua jawatan GLC um-9/3/2016

**KUALA LUMPUR 8 Mac** - Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa melepaskan semua jawatan beliau di dalam syarikat milik kerajaan (GLC) kerana tindak-tanduk bekas Perdana Menteri itu tidak lagi memihak kepada kerajaan.

Menegaskan perkara itu, Ahli Parlimen Silam, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur berkata, desakan itu dibuat memandangkan Dr. Mahathir tidak lagi mempercayai kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehubungan itu, beliau mahu agar Perdana Menteri mengambil tindakan sewajarnya untuk menggugurkan Dr. Mahathir daripada memegang jawatan itu demi kelangsungan pentadbiran negara.

"Tun Mahathir perlu bersikap 'gentleman' untuk berundur diri dari kerusi-kerusi syarikat GLC termasuk sebagai Penasihat Petronas, Proton dan Yayasan Kepimpinan Perdana.

"Jawatan yang beliau sandang itu bukan dipilih melalui saham-saham yang dimiliki syarikat-syarikat berkenaan tetapi dilantik oleh kerajaan," katanya ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dalam perbahasan sidang Dewan Rakyat hari ini.

Jumaat lepas, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir adalah antara 58 orang yang menandatangani deklarasi pakatan Mahathir bagi menyokong penyingkiran Najib sebagai Perdana Menteri.

Acara menandatangani deklarasi itu yang diketuai Dr. Mahathir turut disertai Lim Kit Siang daripada DAP, Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali daripada PKR, dan bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik.

Dalam pada itu, Datu Nasrun berkata, tindakan kumpulan itu jelas sekali tidak menghormati sistem demokrasi negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan bukannya melalui demokrasi jalanan atau pungutan suara dalam menggulingkan kerajaan sedia ada.

Katanya, tindakan Dr. Mahathir itu juga bertentangan dengan prinsip beliau semasa menjawat jawatan Perdana Menteri yang lantang membantah demonstrasi jalanan.

"Kita tidak mahu jawatan dipengang Tun Mahathir wujud unsur-unsur sabotaj kepada kerajaan kerana saya pasti apabila sudah sanggup bersekongkol dengan pembangkang tujuan mereka hanyalah untuk menumbangkan kerajaan," katanya.